

25 MAY 2000

Tahanan

TAWANAN MALAYSIA MINTA KELUARGA JANGAN BIMBANG

JOLO, 25 Mei (Bernama) -- Sembilan rakyat Malaysia yang ditahan oleh sekumpulan penculik, dan kini berada di Patikul, kira-kira 40 kilometer dari sini, hari ini meminta kaum keluarga mereka agar tidak bimbang dengan keadaan mereka di sini.

Mereka juga berharap rundingan bagi membebaskan mereka akan mencapai kejayaan, bagi membolehkan mereka pulang secepat mungkin.

Mereka juga turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana telah menghantar bekalan ubat-ubatan dan makanan untuk kegunaan mereka.

Berikut ialah kenyataan ringkas sebahagian mereka kepada wartawan Bernama yang menemui mereka pada kira-kira pukul 2.30 petang di kawasan tempat mereka ditahan.

Abdul Jawan Sulawat -- "Saya harap kerajaan Malaysia dapat berunding supaya kami dapat keluar dari Jolo.

"Kepada isteri saya di Semporna, jangan bimbang, Insya Allah kalau umur panjang kita akan berjumpa lagi," katanya.

Zulkarnain Hashim -- "Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada kamu semua kerana melawat kami di Jolo dan kepada kerajaan Malaysia yang telah memberi bekalan kepada kami. Kami berharap kerajaan Malaysia dapat bertindak untuk menyelesaikan masalah kami. Pada keluarga saya di Tawau, saya harap kamu semua jangan bimbang," katanya.

Francis Masungkim -- "Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kerana cuba selesaikan masalah kami di sini. Kepada keluarga di Tawau, harap dapat bertenang dan sabar menghadapi dugaan ini," katanya.

Balachandran Nair -- "Kepada isteri saya di Putatan, Sabah, jangan bimbang saya selamat di sini dan dalam keadaan yang sihat. Saya harap jaga anak-anak di rumah," katanya.

Tawanan lain ialah Ken Fong Yin Ken, Kua Yu Loong, Vincent Kwong, Basilius Jim dan Lee Hock Leong.

-- BERNAMA

JS RI